

# Pelajar kita pendebat terbaik bahasa Arab

» 2 penuntut UM, USIM harumkan nama negara pada IUADC di Qatar

Oleh Ifwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

Dua penuntut universiti tempatan mengharumkan nama negara apabila diiktiraf sebagai antara pendebat terbaik Kejuaraan Debat Bahasa Arab Antarabangsa (IUADC) di Qatar, baru-baru ini.

Penuntut, Universiti Malaya (UM), Azwan Kamarudin, 25, dan penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Anis Amirah Zakaria, 22, masing-masing memenangi tempat pertama dan kedua kategori pendebat bukan penutur jati bahasa Arab pada pertandingan itu.

Pertandingan yang berlang-

sung di Pusat Konvensyen Kebangsaan Qatar pada 26 hingga 29 April itu, disertai 300 pendebat mewakili 67 universiti terpilih dari pelbagai negara termasuk Sudan, Kuwait, Amerika Syarikat, Korea Selatan, China, Jerman, Australia, India, Brunei dan Perancis.

## Saingan sengit

Anis Amirah, pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang, yang tiba di tanah air semalam, bersyukur memperoleh kejayaan itu walaupun menerima saingan sengit daripada pendebat lain.

"Saya menyertai pertandingan debat bahasa Arab sejak belajar di Kolej Sultan Alam Shah (KISAS), namun ini adalah pencapaian terbaik saya pada pertandingan antarabangsa. Kejayaan ini memberi motivasi untuk saya lebih menguasai bahasa Arab.

"Kejayaan ini memberi semangat kepada pasukan debat bahasa Arab USIM untuk terus memburu lebih banyak kejayaan pada masa depan," katanya. Berkongsi rahsia menguasai

bahasa Arab, Anis Amirah berkata amalan membaca al-Quran setiap hari sejak kecil sambil bersungguh-sungguh memahaminya maksudnya, amat membantunya mendalami bahasa itu.

## Gilap potensi

Sementara itu, Pegawai Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd Zaini Othman, berkata pencapaian Anis Amirah, adalah hasil pembangunan dan kejurulatihan debat yang dikendalikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti itu sejak beberapa tahun lalu.

"Kita mempunyai perancangan jangka panjang bagi setiap program dilaksanakan, justeru aspek pembangunan dan latihan yang mampu memberi impak sentiasa diberikan perhatian serius," katanya.

Mengenai pertandingan dwi tahunan itu, Mohd Zaini berkata, ia bertujuan mengilap potensi peserta melalui budaya diskusi dan debat bagi membentuk masyarakat global yang berfikiran terbuka dan harmoni selain melatih pemimpin masa hadapan.



“  
*Saya menyertai pertandingan debat bahasa Arab sejak belajar di Kolej Sultan Alam Shah, namun ini adalah pencapaian terbaik saya pada pertandingan antarabangsa. Kejayaan ini memberi motivasi untuk saya lebih menguasai bahasa Arab*”

Anis Amirah Zakaria,  
Penuntut USIM